

25/06/2003

Pertambahan kerusi bukan untuk jamin kemenangan BN

Kadir Dikoh; Hassan Omar

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, pertambahan 25 kerusi Parlimen dan 63 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) dibuat bukan bertujuan menjamin kemenangan Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum akan datang.

Perdana Menteri berkata, BN berjaya mencapai kemenangan majoriti dua pertiga pada pilihan raya umum 1999 meskipun tanpa pertambahan kerusi baru.

"Bukan pasal nak menang kita tambah (sebaliknya), pasal nak bagi rakyat dapat wakil. Kalau seorang wakil terlalu banyak rakyat, dia tak dapat jalankan tugas dengan sempurna," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita di lobi Parlimen selepas membentangkan usul mengenai Rang Undang-Undang Perlembagaan Persekutuan (pindaan) 2003 semalam.

Bagaimanapun, katanya, kerajaan belum bercadang untuk melakukan pemindahan bangunan Parlimen yang ada meskipun sesetengah pihak berasakan ia sudah sesak, apatah lagi dengan pertambahan wakil rakyat berikutan pertambahan kerusi Parlimen yang berjumlah 219 nanti.

"Di United Kingdom, jumlah kerusi (dalam Parlimen) adalah kurang daripada ahli Parlimen. Jika anda datang awal, anda dapat tempat duduk dan jika tidak, terpaksa duduk di lantai. Ini saya lihat sendiri terutama apabila Senat dan Parlimen bersidang bersama... mereka tiada tempat duduk, terpaksa berdiri," katanya.

Terdahulu dalam ucapannya ketika pembentangan usul itu di Dewan Rakyat, Dr Mahathir berkata persempadanan semula bahagian pilihan raya perlu dibuat bagi menampung pertambahan jumlah pemilih.

Beliau berkata, mengikut daftar pemilih yang disahkan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) pada 27 Disember 2001, jumlah pemilih bagi negeri Semenanjung dan Sabah (tidak termasuk Sarawak), meningkat kepada 9,093,649 orang berbanding 7,438,156 pada 1994.

"Ini bermakna sejak 1994 bilangan pemilih bagi negeri di Semenanjung dan Sabah meningkat kira-kira 1,655,393 orang (atau 23 peratus). Ini tidak bermakna jumlah bahagian Parlimen dan negeri harus ditambah sebanyak 23 peratus juga.

"Jika ini dilakukan, maka negara akan mempunyai jumlah Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri yang terlalu ramai dan keadaan ini menyukarkan urusan Parlimen selain menaikkan kos urusan Parlimen," katanya.

Kali terakhir kajian semula persempadanan bahagian pilihan raya Parlimen

dan negeri dilakukan pada 1994.

Akta Perlembagaan Persekutuan (Pindaan 2003) dibentangkan bagi meminda Perkara 46 Perlembagaan Persekutuan untuk menambah bilangan anggota Dewan Rakyat ekoran persempadanan semula bahagian pilihan raya di antara 8 Ogos hingga 7 September 2002.

Tambahan yang dicadangkan pada persempadanan semula SPR ialah enam kawasan di Johor, masing-masing lima di Sabah dan Selangor, tiga di Pahang, dua di Pulau Pinang dan masing-masing satu di Melaka, Negeri Sembilan, Perak dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Dr Mahathir berkata, walaupun beberapa negeri tidak mendapat tambahan kerusi Parlimen, ia bukan bermakna negeri berkenaan tidak terbabit dalam urusan persempadanan pada kali ini.

Beliau berkata kali terakhir tambahan kerusi Parlimen dibuat pada 2001 apabila Wilayah Persekutuan Putrajaya diwujudkan melalui Akta A1095 Akta Perlembagaan (Pindaan) 2001 menjadikan jumlah kerusi Parlimen 194.

Beliau juga menjelaskan bahawa Sarawak tidak terbabit kerana ia sudah melakukan persempadanan semula kawasan pilihan raya pada 1996 dan perlembagaan tidak mengizinkan persempadanan semula dibuat sebelum genap lapan tahun.

Perdana Menteri turut menjelaskan bahawa tambahan kerusi bagi Perlis, Kelantan, Terengganu dan Kedah tidak diberikan dalam persempadanan semula itu disebabkan SPR berpendapat jumlah kerusi sedia ada di negeri berkenaan sudah memadai.

Dr Mahathir berkata, kesan yang nyata daripada tambahan kerusi itu ialah bahagian pilihan raya yang dulunya sangat luas dan menyukarkan wakil rakyat untuk melawat dan mendekati rakyat, sudah dapat diselaraskan dan menjadi lebih kecil dengan bilangan pemilih yang berpatutan.

Bahagian pilihan raya yang kecil pula tetapi mempunyai pemilih yang ramai, telah dikurangkan pemilihnya dalam persempadanan semula itu.